

# TEMERLOH

## TITIK TENGAH SEMENANJUNG MALAYSIA

Pahang bukan sahaja terkenal sebagai negeri yang mempunyai sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia bahkan juga dikenali dengan keunikan kedudukan geografi apabila mempunyai lokasi titik tengah Semenanjung Malaysia yang terletak di Temerloh, Pahang.

Penemuan titik tengah tersebut dijalankan ketika pemerintahan British di Tanah Melayu, apabila Kampung Belimbing yang terletak di Daerah Lipis ditetapkan sebagai titik tengah Semenanjung Melayu dengan dibina batu tanda "0" sebagai rujukan jarak ke seluruh negara.

Berdasarkan penemuan tersebut, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menjalankan kajian pada tahun 2009 untuk menentukan kedudukan titik tengah Semenanjung Malaysia. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa titik tengah Semenanjung Malaysia terletak di Lot 2082, iaitu di



bawah satu daripada pondok Madrasah Darul Ulum, Kampung Paya Siput, Lanchang, Temerloh, Pahang. Kedudukan koordinat lokasi titik tengah tersebut ialah latitud  $03^{\circ} 29' 32.78''$  dan longitud  $102^{\circ} 13' 09.74''$  berdasarkan sistem kerangka rujukan Geocentric Datum of Malaysia 2000 (GDM 2000).

Dengan persetujuan Kerajaan Negeri Pahang, JUPEM telah membina sebuah monumen yang terletak di lokasi pada hari ini dengan koordinat latitud  $03^{\circ} 29' 33''$ , longitud  $102^{\circ} 13' 10''$ , iaitu kedudukannya 133 meter dari kedudukan asal titik tengah Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, nilai asal koordinatnya masih dikekalkan dalam nilai saat terhampir. Titik tengah Semenanjung Malaysia JUPEM ini berfungsi sebagai antara titik kawalan ukur untuk Semenanjung Malaysia.

### Keunikan Monumen Ikonik Temerloh Titik Tengah Semenanjung

- ▶ Pancang dibina condong ke arah kiblat.
- ▶ Tapak Monumen Ikonik Titik Tengah Semenanjung menunjukkan arah dan jarak ibu negeri bagi negeri-negeri di Malaysia dari monumen.
- ▶ Sebanyak enam pancang di lilitan luar yang melambangkan enam Rukun Iman.
- ▶ Sebanyak lima pancang di lilitan dalam yang melambangkan lima Rukun Islam.

Kolam tadahan air tawar yang menjadi habitat semula jadi bagi spesies ikan air tawar.

Pada hari ini, titik tengah Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Temerloh Titik Tengah Semenanjung (T3S). Monumen ikonik T3S dibina untuk meraikan Temerloh sebagai bandar Titik Tengah Semenanjung Malaysia. Kedudukan monumen ikonik tersebut dianjakkan sejauh lapan meter dari monumen JUPEM untuk memastikan cerapan ukur dapat dibuat tanpa halangan. Nilai koordinat titik tengah tersebut diperoleh daripada hasil Cerapan Sistem Penentududukan Sejagat (GPS).

Semenanjung Malaysia terbahagi kepada 11 negeri dan dua wilayah persekutuan dengan keluasan 130 423 kilometer persegi. Oleh itu, JUPEM telah menggunakan tiga kaedah untuk menentukan kedudukan titik tengah, iaitu berdasarkan kaedah



Antara kawasan tumpuan buat pengunjung yang gemar untuk bergambar.



bentuk rupa bumi Semenanjung Malaysia, jisim Semenanjung Malaysia dan hitungan matematik. Berdasarkan kaedah yang telah digunakan, kaedah matematik merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan kerana kaedah tersebut menghasilkan nilai satu titik konklusif dengan menggunakan formula nilai purata koordinat. Maka itu, Kampung Paya Siput yang terletak berhampiran dengan Pekan Lanchang, Temerloh ditetapkan sebagai T3S.

Pada hari ini, titik tengah Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Temerloh Titik Tengah Semenanjung (T3S). Monumen ikonik T3S dibina untuk meraikan Temerloh sebagai bandar Titik Tengah Semenanjung Malaysia. Kedudukan monumen ikonik tersebut dianjakkan sejauh lapan meter dari monumen JUPEM untuk memastikan cerapan ukur dapat dibuat tanpa halangan.



Bahan kitar semula turut menjadi tarikan di Temerloh Titik Tengah Semenanjung.

Kedudukan Kampung Paya Siput yang terletak di kedudukan jalan raya lama yang menghubungkan Karak dengan Temerloh telah menjadikan Temerloh Titik Tengah Semenanjung sebagai antara kawasan yang wajib dikunjungi dalam kalangan pengunjung setempat mahupun dari luar Temerloh. Hal ini dikatakan demikian kerana Titik Tengah Semenanjung bukan sekadar mempunyai monumen yang ikonik, namun kawasan tumpuan pelancong tersebut mempunyai kolam tadahan air tawar yang menjadi habitat semula jadi bagi spesies ikan seperti haruan (*Channa striatus*), sepat (*Trichopodus pectoralis*), puyu (*Anabas testudineus*) dan sebagainya.

Temerloh Titik Tengah Semenanjung yang berkeluasan 1.7 hektar ini turut menyediakan kawasan riadah yang santai kepada semua pengunjung tanpa mengira lapisan umur. Antara tarikan lain ialah burung Kuang Emas (*Golden pheasant*) yang merupakan spesies burung popular yang berasal dari hutan pergunungan Barat dan Tengah China. Selain burung Kuang Emas, Temerloh Titik Tengah Semenanjung Malaysia turut mempunyai burung Pagar Perak (*Silver pheasant*) yang juga merupakan spesies burung dari kawasan pergunungan Barat dan Tengah China.

Bagi mereka yang gemarkan pemandangan yang santai dan indah, Temerloh Titik Tengah Semenanjung juga menyediakan ruang untuk pengunjung merakamkan memori bersama-sama keluarga dan rakan ketika berkunjung ke sana. Setelah selesai beriadah, pengunjung juga boleh berehat di kawasan rehat yang disediakan yang turut menyediakan kemudahan seperti gerai jualan, tandas dan surau. 📍

#### INFO

Waktu operasi: Isnin hingga Khamis  
(10.00 pagi – 4.00 petang)  
Sabtu hingga Ahad  
(10.00 pagi – 5.00 petang)  
Jumaat (Tutup)

Harga tiket: RM5 (Dewasa)  
RM3 (Kanak-kanak)



Kawasan pejalan kaki turut menjadi kawasan kegemaran buat pengunjung.